

2017/72



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

JABATAN KERJA RAYA NEGERI PULAU PINANG

DOKUMEN SEBUTHARGA

UNTUK

**KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN
BERLUBANG (RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI
SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN PERMATANG NIBONG
KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN JALAN-JALAN SEKITAR
DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU
PINANG**

NO.SEBUTHARGA : JDSPT/J/N/M/2017/72

**KOD BIDANG : GI-CE-CE01 DAN CE42
(Keupayaan tidak melebihi
RM200,000.00)**

TARIKH TUTUP : 10-08-2017



PULAU PINANG

**JURUTERA DAERAH
JABATAN KERJA RAYA
SEBERANG PERAI TENGAH,
14000, BUKIT MERTAJAM.**



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
JABATAN KERJA RAYA
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

NOTIS SEBUTHARGA KERJA

NO. SEBUTHARGA : JDSPT/J/N/M/2017/72

TAJUK SEBUTHARGA : KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG (RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN PERMATANG NIBONG KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN JALAN-JALAN SEKITAR DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred **G1** Kategori **CE** Pengkhususan **CE 01 DAN CE 42**.

1. Borang Sebutharga boleh didapati dari tarikh **03-08-2017** hingga **10-08-2017** dengan dimuat turun dari **<http://ep.penang.gov.my>** dengan pembayaran secara atas talian sebanyak **RM 10.00**.
2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **03-08-2017** jam **9.30 PAGI**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di pejabat **JURUTERA DAERAH JKR SEBERANG PERAI TENGAH** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SPKK, PUKONSA atau UPKJ atau Kementerian Kewangan sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
3. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa Perakuan / sijil ASAL PPK dan SPKK yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta STB bersertakan satu salinan perakuan/ sijil tersebut.
4. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Kontrak & Ukur Bahan , Pejabat Jurutera Daerah, JKR Seberang Perai Tengah** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari, hari KHAMIS, 10-08-2017**

.....
Tandatangan

Nama Penandatangan : **HJ. TAJUDDIN BIN YAHAYA**
Jawatan : **Jurutera Daerah JKR
Seberang Perai Tengah
Pulau Pinang.**

SENARAI SEMAKAN

Sila tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh Jabatan
1	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Taraf Bumiputra (STB) dari BPKU (Kerja)(jika berkenaan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB / Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan (Lampiran K)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Senarai Kerja Dalam Tangan (Lampiran L)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SENARAI SEMAKAN

Sila tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

10	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Surat Kebenaran Khas (Jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir (Untuk kelas G2 & ke atas sahaja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13	Lain-lain sekiranya ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Cop Kontraktor :</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>
--	--

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1.0 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.0 DASAR KENAAN GST

2.1 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta GST 2014) telah dikuatkuasa mulai 1 April 2015. Oleh yang demikian, GST yang dikenakan akan dibayar kepada Penyebut Harga berdaftar GST.

2.2 Bagi tujuan Sebut Harga ini, Penyebut Harga hendaklah **menawarkan harga tawaran yang tidak ditambah nilai kenaan GST.** Walaubagaimanapun, sama ada Penyebut Harga berdaftar GST ataupun tidak, Penyebut Harga masih bertanggungjawab untuk mengambil kira dalam harga tawaran apa-apa kos berkaitan dengan kenaan GST yang perlu dibayar oleh Penyebut Harga kepada pihak-pihak yang membekalkan khidmat kepadanya.

2.3 Sekiranya Penyebut Harga berdaftar GST, Inden Kerja berdasarkan **harga tawaran dengan tambahan nilai kenaan GST** akan dikeluarkan kepada Penyebut Harga yang berjaya.

2.4 Sekiranya Penyebut Harga tidak berdaftar GST, tiada tambahan nilai kenaan GST akan dimasukkan.

2.5 Sekiranya Penyebut Harga berdaftar GST semasa kerja sedang berjalan, Penyebut Harga hendaklah memaklumkan status pendaftaran dan memohon pelarasan bagi tambahan kenaan GST dan menuntut sebarang kenaan GST

dengan syarat kerja semasa masih berkuatkuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.

3.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

3.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- 3.1.1 Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga,
- 3.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- 3.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan,
- 3.1.4 Senarai Pengalaman Kerja,
- 3.1.5 Jadual Kadar Harga (jika ada),
- 3.1.6 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),
- 3.1.7 Surat Akuan Pembida,
- 3.1.8 Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan.¹

¹ Bagi kerja melebihi RM200,000 sahaja.

LAMPIRAN 4

- 3.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- 3.1.10 Kegagalan mengisi/menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- 3.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.
- 3.1.12 Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk *softcopy* (berbentuk CD), Penyebut Harga hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *softcopy* dan *hardcopy*, Dokumen dalam *hardcopy* hendaklah digunapakai.
- 3.1.13 Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

3.2 'Integrity Pact'

- 3.2.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran 9A**² di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga

² Untuk diisi oleh pihak yang menyediakan dokumen Sebut Harga

LAMPIRAN 4

melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.

- 3.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.
- 3.2.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran 9B**³ beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

3.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- 3.3.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga JDSPT/J/N/M/2017/72⁴ serta tajuk Sebut Harga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- 3.3.2 Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut secara pos berdaftar supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

³ Sama seperti di atas

⁴ Untuk diisi oleh pihak yang menyediakan dokumen Sebut Harga

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN ⁵

JABATAN KERJA RAYA DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

JALAN BETEK, SUNGAI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM

PULAU PINANG

3.3.3 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

3.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

4.0 TEMPOH SIAP KERJA⁶

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **20** minggu. Mana-mana penyebut harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

6.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah

⁵ Sama seperti di atas. Nyatakan alamat tempat penghantaran.

⁶ Untuk diisi oleh pihak yang menyediakan dokumen Sebut Harga.

laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

7.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1.0 PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, levi, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sepenuhnya.
- 2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh Kerja.
- 2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga (jika perlu) hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

LAMPIRAN 5

2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 8.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan perkiraan dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

3.0 BON PELAKSANAAN¹, PERKESO DAN POLISI INSURANS

3.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan² sebanyak 5% daripada nilai Sebut Harga³ dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Sekiranya Kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa.

3.2 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dengan nilai minimum RM⁴ bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

3.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan

¹ Potong jika tidak berkenaan.

² Keluarkan perenggan ini jika tidak berkenaan.

³ Nilai bon pelaksanaan adalah 5% daripada nilai Sebut Harga (termasuk GST sekiranya Kontraktor berdaftar GST).

⁴ Pengiraan kadar liputan adalah berasaskan nilai Sebut Harga (termasuk GST sekiranya Kontraktor berdaftar GST).

Kerjasama Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

4.0 BAYARAN PENDAHULUAN

4.1 Kontraktor boleh memohon Bayaran Pendahuluan sebanyak 25% atau RM100,000 yang mana lebih rendah jika memenuhi kesemua syarat berikut:

4.1.1 Kerja yang dilaksanakan bernilai melebihi RM200,000 sehingga RM500,000.

4.1.2 Tempoh siap kerja tidak kurang dari 3 bulan.

4.1.3 Permohonan daripada Kontraktor diterima dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja dikeluarkan.

4.1.4 Polisi Insurans telah dikemukakan oleh Kontraktor.

4.1.5 Satu jaminan terhadap Bayaran Pendahuluan dikemukakan oleh kontraktor sama ada dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Nilai jaminan hendaklah sama dengan nilai bayaran pendahuluan yang dimohon.

4.1.6 Bayaran balik pendahuluan akan dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja yang telah disempurnakan dan diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%.

4.1.7 Liabiliti di bawah Jaminan Bayaran Pendahuluan akan tamat apabila Kerajaan mengutip semula jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar. Walau bagaimanapun, jika jumlah penuh

pendahuluan yang telah dibayar tidak boleh dicapai sebelum tarikh siap kontrak atau apa-apa pelanjutan yang diberi atau sebelum tarikh penamatan dalam kes kontrak yang ditamatkan, maka baki pendahuluan yang perlu dibayar balik kepada Kerajaan hendaklah dituntut daripada Jaminan Bayaran Pendahuluan.

5.0 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

5.1 Kerja-karya yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini serta arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

5.2 Kerja-karya mekanikal dan elektrik yang dilaksanakan di samping mematuhi kehendak di perenggan 4.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh Suruhanjaya/Jabatan/Pihak Berkuasa antara lainnyanya seperti berikut:

5.2.1 Suruhanjaya Tenaga

5.2.2 Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP)

5.2.3 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik

5.2.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat

5.2.5 Pihak Berkuasa Tempatan

5.2.6 Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

6.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja boleh dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

7.0 SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

8.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

8.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

8.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

8.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

9.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

9.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.

LAMPIRAN 5

9.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnyanya dari dokumen Sebut Harga itu.

9.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

10.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

10.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

10.1.1 Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

10.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab di mana Kontraktor didapati gagal menjalankan kerja dengan tekun dan teratur tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

10.1.3 Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

10.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah

10.2 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10.3 Walau apa pun di atas, sekiranya Kontrak ini ditamatkan di bawah perenggan 10.1 dan 10.2, Bon Pelaksanaan/WJP akan dirampas sepenuhnya.

11.0 BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

12.0 KERJA PERUBAHAN

12.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebut Harga ini.

12.2 Sebarang kerja perubahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

13.0 PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA

Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

14.0 PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan sejajar dengan syarat-syarat dalam Dokumen Sebut Harga. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula daripada tarikh siap kerja.

15.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

- 15.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebut Harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas peralatan dan sistem adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 15.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 15.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor dan termasuk kenaan GST (sekiranya pembaikan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh Kerajaan) atau, jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan, Pengarah Kerja

LAMPIRAN 5

Raya Negeri/Ketua Jabatan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Kanan Cawangan Kerja Elektrik/Pengarah Kanan Cawangan Kerja Mekanikal.

16.0 PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya boleh dibuat setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Pegawai Inden hendaklah membuat potongan atau menahan sejumlah amaun dari wang yang akan dibayar kepada Kontraktor sebagai kos untuk membaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh Kontraktor di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

17.0 PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja Kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

18.0 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-syarat ini.

19.0 PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHU UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM

- 19.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian/ Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.
- 19.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 19.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG (RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN PERMATANG NIBONG KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN JALAN-JALAN SEKITAR DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Bil.	Keterangan Perihal Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga	Jumlah (RM)
1.0	GENERAL ITEM (ALL PROVISIONAL)				
1.1	<u>SYARAT KONTRAK</u>				
1.1.1	Penyediaan Syarat-syarat Tawaran termasuk Insuran-insuran 'Contractor's All Risk' & Workmen Compensation's	LS			
1.2	<u>KEPERLUAN SO</u>				
1.2.1	Pelbagai				
1.2.1.1	Papan Tanda Amaran Sementara seperti Lampiran 5				
	a. Harap Maaf Kesulitan Amat Dikesali	Bil	2		
	b. Gangguan Lalulintas Hanya Sementara Harap Maaf	Bil	2		
	c. Awas Kerja Dihadapan	Bil	2		
	d. Jalan Selorong di Hadapan	Bil	2		
	e. Kun Keselamatan	Bil	10		
	f. Menyediakan pengawal lalulintas jalan semasa kerja-kerja sedang dijalankan sehingga siap sepenuhnya.	Bil	2		
1.2.1.2	Penyediaan laporan kemajuan bergambar (Sebelum, Semasa & Siap Pembinaan Dalam Bentuk Softcopy dan Hardcopy)	LS			
1.2.1.3	Ujian Makmal				
	a. Ujian ketumpatan kepadatan menggunakan sampel <i>coring</i>	Bil	8		
	Nota :				
	Harga adalah termasuk buruh, bahan-bahan, alat-alat, pengangkutan dan lain-lain keperluan untuk kerja-kerja berkaitan.				
	Kontraktor dikehendaki menghantar 1 salinan resit pesanan premix (DO) yang disahkan oleh wakil JKR semasa menjalankan kerja tanpa sebarang pindaan.				
	Kerja dikehendaki dijalankan diwaktu malam sekiranya didapati di tapak mempunyai aliran trafik yang banyak				
2.0	Kerja Jalan (All Provisional)				
2.1	BARUMUKA JALAN (RESURFACE)				
2.1.1	Bekal dan rata minimum 65mm tebal ACWC14 dan padatkan sehingga 50mm tebal termasuk tack coat gred RS-1K disemur pada kadar 0.25 hingga 0.55 liter/m ² . Permukaan jalan dibersihkan dan pastikan tack coat telah kering sebelum kerja premix dijalankan.	m ²	6600		
	Jumlah minimum kuantiti premix untuk sebutharga ini berdasarkan kuantiti 6,600m ² adalah 759 tonne .				
2.1.2	Bekal, turap dan memadat tidak melebihi 75mm ' Asphaltic Concrete ' (ACWC14) termasuk lapisan ' Tack Coat ' bagi kerja ' Regulating ' seperti arahan JKR. (Jika Perlu)	Tonne	50		
	Jumlah dibawa ke mukasurat 2				

KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG (RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN PERMATANG NIBONG KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN JALAN-JALAN SEKITAR DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Bil.	Keterangan Perihal Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga	Jumlah (RM)
	Jumlah dibawa dari mukasurat 1				
2.2	Perabot Jalan				
2.2.1	Buruh, bahan-bahan, alat-alat, pengangkutan dan lain-lain keperluan untuk kerja mengecat garisan jalan dengan 'Thermoplastic'				
2.2.1.1	Mengecat garisan jalan 2.5mm tebal dengan thermoplastic pada permukaan jalan (Kerja digalakkan dijalankan pada waktu malam atau ketika pengguna jalan kurang)	m ²	350		
2.2.1.2	Mengecat garisan jalan Yellow Transvers Bar 5mm tebal dengan 'Thermoplastic' (Kerja digalakkan dijalankan pada waktu malam atau ketika pengguna jalan kurang)	m ²	200		
2.2.1.3	Mengecat garisan Single Arrow 3m (Kerja digalakkan dijalankan pada waktu malam atau ketika pengguna jalan kurang)	Bil	8		
2.2.1.4	Mengecat garisan Double Arrow 3m (Kerja digalakkan dijalankan pada waktu malam atau ketika pengguna jalan kurang)	Bil	2		
	Jumlah Di Bawa Ke Borang Tawaran Sebutharga: (RM)				

KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG (RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN PERMATANG NIBONG KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN JALAN-JALAN SEKITAR DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

RM :

(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia:)

Tempoh Penyiapan: **Minggu**

Dokumen Sebutharga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebutharga pada keseluruhannya samada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara kursus dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnya dari dokumen Sebutharga itu.

.....
Tandatangan kontraktor

.....
Tandatangan saksi

Nama Penuh:.....
(HURUF BESAR).

Nama penuh:.....
(HURUF BESAR)

Atas Sifat:.....

Pekerjaan:.....

yang diberi kuasa dengan sepenuhnya menandatangani untuk dan bagi pihak.

Alamat:.....
.....
.....

.....
(Meteri dan cop kontraktor)

Tarikh:.....

Tarikh:.....

Catitan:

Jika ada butiran yang di kehendaki dalam Spesifikasi dan skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebutharga ini, harga butiran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebutharga.

Kontraktor dikehendaki menyediakan segala peralatan, pengangkutan dan pekerja mahir di dalam bidang kerja bagi menjalankan kerja penyelenggaraan di tapak sepanjang tempoh kontrak. Pekerja pekerja kontrak di galakkan memakai pakaian seragam dan keselamatan semasa menjalankan kerja.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil. JDPST/J/N/M/2017/72

Jabatan Kerja Raya,
Seberang Perai Tengah,
Jalan Betik, Sungai Rambai,
14000 Bukit Mertajam.

Tuan,

Sebut Harga untuk : **KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG (RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN PERMATANG NIBONG KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN JALAN-JALAN SEKITAR DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebutharga untuk Kerja, Spesifikasi Kerja dan Lukisan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan Kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:

.....
..... (RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan Kerja ini dalam masaminggu dari tarikh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 2 Borang Perjanjian Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan 2017

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No.K/P:.....

Alamat:

Alamat:.....

.....

.....

.....

.....

Atas sifat:.....

.....

Cop Kontraktor

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

Pemeriksaan Dokumen Sebutharga Dan Lawatan Ke Tapak Bina

Sebarang perkara-perkara yang **tidak berseimbang**, ATAU bercanggahan di dalam dokumen sebutharga, kontraktor hendaklah merujuk segera dan sebelum mengemukakan sebutharga kepada Pegawai Penguasa yang akan meminda atau menjelaskan perkara itu dengan cara mengadakan satu pindaan rasmi kepada Dokumen Sebutharga, jika perlu, satu salinan pindaan akan diberi kepada setiap Pentender dan akan menjadi sebahagian dari Dokumen Sebutharga. Penerimaan pindaan ini hendaklah diakui di atas borang yang akan dikeluarkan bersama-sama dengannya.

Kontraktor adalah dianggap **telah memeriksa** sepenuhnya Dokumen-dokumen Sebutharga dan telah mempunyai kesempatan penuh untuk mengambil kira butir-butir di dalamnya dan menjalankan penyiasatan berkaitan dengannya.

Kontraktor adalah juga dianggap **telah melawat tapakbina** sewaktu menyediakan Sebutharga untuk memastikan sendiri skop kerja yang terlibat dan keadaan tempat kerja dan mengenalpasti serta membiasakan diri sepenuhnya dengan halangan dan lain-lain keadaan di tapak.

Kontraktor hendaklah mengambil perhatian kepada fakta bahawa **tiada pertimbangan** akan diberi bagi bayaran tambahan, lanjutan masa, hak untuk gantirugi atau sebarang konsesi yang lain akibat daripada kesilapan tafsir atau kekurangan pengetahuan.

Kerja Permulaan

Seperti yang dinyatakan di dalam syarat-syarat kontrak, spesifikasi Piawai, Spesifikasi Tambahan, Ringkasan Sebutharga dan perkara-perkara lain yang perlu bagi menyiapkan projek ini dengan sempurna.

Kontraktor dinasihatkan agar sebelum sesuatu kerja dimulakan, pelan pengurusan trafik perlu disediakan dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa dan pengurusan trafik ditapak kerja mesti dilaksanakan berdasarkan pelan pengurusan trafik tersebut.

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

1.0 Bidang Kerja

Bidang kerja yang terlibat adalah seperti berikut merujuk kepada ringkasan tawaran dan senarai-senarai pelan yang dilampirkan. Kontraktor dinasihatkan agar berhati-hati dalam mengenalpasti bidang kerja semasa merujuk kepada pelan-pelan berkaitan yang dikembar (Jika berkaitan).

1.1 Kerja-kerja Milling

- a) Kerja milling ini haruslah dijalankan dengan menggunakan milling machine. Kedalaman milling yang diperlukan adalah tidak lebih daripada 75mm tebal.
- b) Kontraktor perlu membuang lapisan yang rosak dan dikeluarkan terus dari tapak kerja.
- c) Permukaan milling ini tidak boleh terdedah terlalu lama. Untuk tujuan keselamatan, kontraktor harus merancang bagi jalan tunggal (single carriageway), exposed milling ini haruslah *edge to center* supaya kedalaman yang dipotong dapat diukur dan dikawal dengan baik.
- d) Kerja *milling* hendaklah dipotong pada kedalaman 50mm atau lebih ke paras yang dikehendaki mengikut keadaan ditapak dan arahan daripada wakil JKR SPT yang mengawasi kerja. Kerja *milling* termasuk membersihkan permukaan jalan dengan jentera yang bersesuaian dan mengangkut keluar sisa *milling* dari tapak. Wakil JKR SPT boleh mengarahkan pihak kontraktor menghantar sisa *milling* ke STOR JKR jika pihak JKR ingin menggunakan sisa *milling* tersebut.

1.2 Kerja-kerja Menurap, Membaru Muka Jalan Rosak

- a) Kerja-kerja menurap semula jalan ini meliputi kerja-kerja membersihkan permukaan jalan yang rosak dari pasir, sampah sarap serta rumput rampai serta lain-lain kotoran yang terdapat di tapak kerja.
- b) Kerja penurapan haruslah dijalankan di atas permukaan yang kering dan telah disemur dengan *tack coat* pada kadar semburan yang ditetapkan.
- c) Sejurus sebelum *tack coat* disemur, keseluruhan permukaan yang akan diturap hendaklah dibersihkan dengan menggunakan *power broom* diikuti dengan *compressed air blower*. Jika perlu, kikis permukaan dengan peralatan tangan untuk membuang kotoran, habuk dan bahan asing lain yang tidak diperlukan.

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

- d) *Tack coat* seharusnya disembur ke atas permukaan yang bersih dan kering. Ia hendaklah disembur sebelum penurapan (1 jam sebelum penurapan) tetapi dengan masa yang mencukupi untuk *tack coat* set bagi mendapatkan tahap melekat yang memuaskan sebelum penurapan dijalankan.
- e) Kadar semburan *tack coat* hendaklah dalam julat 0.25 hingga 0.55 liter/m². Ia haruslah disembur rata ke atas permukaan tanpa berbelang-belang.
- f) Kawasan yang telah disembur dengan *tack coat* hendaklah ditutup kepada trafik sepanjang masa sebelum kerja penurapan dijalankan. Oleh itu, *tack coat* tidak seharusnya disembur terlalu awal sebelum penurapan.
- g) Bahan *tack coat* hendaklah dari bitumen emulsi gred RS-1K. Suhu *tack coat* di antara 25 °C sehingga 45 °C semasa semburan.
- h) Kerja penurapan hanya boleh dijalankan semasa cuaca baik dan **DILARANG** untuk menjalankan kerja ketika hujan.
- i) Kontraktor dikehendaki memaklumkan terlebih dahulu pembekal yang digunakan dan kontraktor perlu menghantar rekabentuk campuran premix (*Design Mix*) dari pengeluar premix tersebut sebelum kebenaran penggunaan diberikan oleh JKR SPT.
- j) Kerja hamparan (*laying*) hendaklah dimulakan dibahagian yang lebih rendah sebelum mendaki ke sebelah yang lebih tinggi. Kerja hamparan **TIDAK BOLEH** dilakukan secara menurun bukit.
- k) Semasa menurap, ketebalan hamparan hendaklah mencapai minimum 65mm dan perlu sentiasa diperiksa dari semasa ke semasa. Tekstur permukaan sebelum digelek mestilah sekata.
- l) Sepanjang kerja penurapan, kontraktor hendaklah menyediakan jangka suhu (*thermometers*) yang tepat ditapak seperti ditetapkan dalam **Klausa 4.3.3.5(g)JKR/SPJ**.
- m) Suhu asphalt diperiksa dari masa ke semasa. Suhu asphalt di atas lori semasa dikuari hendaklah tidak melebihi daripada 163 °C tetapi harus lebih 130 °C manakala suhu asphalt di dalam paver hopper sebelum dihamparkan hendaklah diantara julat 90 °C hingga 130 °C seperti yang ditetapkan dalam **Klausa 4.3.3.5(f)JKR/SPJ**.
- n) Kerja pemadatan hendaklah dijalankan mengikut *rolling patern* yang ditetapkan atau minimum *rolling patern* 2:2:8:2 bagi mendapatkan hasil pemadatan yang baik.

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

1.3 Kerja-kerja Longkang

- a) Sebelum sebarang kerja dijalankan ditapak kontraktor dikehendaki memancang tanda jajaran kerja di tapak seperti diarahkan oleh pegawai JKR yang mengawasi kerja. Pemborong diingatkan bahawa semua kerja berkaitan dengan pihak utility seperti TNB dan sebagainya adalah dibawah bidang kuasa pihak pemborong untuk mengenalpasti semua kabel dan lain kerja berkaitan utility yang mengganggu perjalanan kerja ini. Pemborong diingatkan agar berkerjasama dengan pihak utiliti terbabit bagi mengelakkan sebarang masalah yang mengganggu perjalanan kerja ini.
- b) Kerja-kerja membina dan memasang Longkang U berjenama Hume atau setaraf serta diiktiraf dengan saiz seperti dalam butiran. Kerja ini meliputi kerja menggali tanah , menanggal longkang lama, Entren atau laluan masuk serta apa-apa yang mengganggu jajaran kerja dan memasang Longkang U yang dimaksudkan. Semua longkang yang hendaklah mempunyai *Starter Bar* yang memudahkan kerja meninggikan dinding longkang dijalankan. Lapisan asas terdiri dari 150mm tebal lapisan *Crusher Run* yang baik dan diluluskan. Semua butiran terdapat didalam pelan dan sebarang masalah hendaklah dirujuk kepada Pegawai JKR yang mengawasi kerja.
- c) Semua permukaan tanah yang digali hendaklah diratakan seperti sediaada setelah kerja siap dijalankan.
- d) Semua kerosakkan yang diluar bidang kerja hendaklah dibaiki dan kosnya ditanggung oleh kontraktor terlibat. Setelah kerja siap, semua sampah sarap hendaklah dikeluarkan dari tapak bina dan disahkan oleh Pegawai Penguasa.

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

2.0 Lain-Lain Hal

2.1 Pengurusan Trafik

Kontraktor diingatkan agar mematuhi arahan dari wakil JKR yang mengawasi kerja di mana sekiranya aliran trafik di kawasan tersebut terlalu banyak, kerja membarumuka akan dijalankan pada waktu malam dan tiada kos tambahan akan diberikan. Oleh itu, kontraktor hendaklah menitikberatkan kos tersebut semasa memasuki harga bagi kerja membarumuka jalan ini. (Rujuk Lampiran 1, 2 dan 3)

2.2 Ujian *Coring* dan *Density*

Ujian *coring* adalah untuk menentukan ketebalan hendaklah dilakukan oleh Kumpulan IKRAM atau pihak lain yang diluluskan oleh pegawai JKR. Sampung *coring* akan digunakan sebagai ujian *density* juga. Kontraktor perlu merancang dengan Kumpulan IKRAM bagi mengelakkan sebarang kelewatan semasa kerja *coring* hendak dijalankan.

Sebelum kerja *coring* dijalankan, kontraktor haruslah menghantar salinan pesanan premix (DO) beserta dengan pengukuran kerja ditapak dengan disemak oleh wakil JKR yang bertugas dengan menanda pengukuran tersebut di atas jalan.

2.3 Garisan Jalan

Kerja mengecat jalan dengan Thermoplastic hendaklah dijalankan setelah 14 hari kerja baru muka siap dijalankan. Oleh itu, kontraktor dikehendaki mengecat garisan sementara bagi kemudahan pengguna jalan. Kecerahan garisan jalan hendaklah mencapai tahap yang diluluskan dalam arahan teknik jalan.

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

2.4 Pengiraan Pelarasan Harga dari m² ke Tonne

Kontraktor diingatkan bahawa kaedah pelarasan pembayaran akan dibuat sekiranya kuantiti premix yang digunakan adalah kurang daripada kuantiti minimum premix yang diperlukan setelah kerja siap dijalankan. Kaedah pengiraan yang digunakan adalah seperti berikut :

Pengiraan kuantiti premix

$$\text{Keluasan (m}^2\text{)} \times \text{ketebatan (50 mm)} \times \text{*Minimum Ketumpatan Bitumin (2.2)}$$

Contoh untuk keluasan 1m²

$$1 \times 0.05 \times 2.2 = 0.11 \text{ tonne}$$

Contoh pelarasan dari m² ke tonne mengikut harga sebutarga

Jika harga sebutarga kontraktor adalah RM20/m²

$$\begin{aligned} 1 \text{ tonne} &= \text{RM20} / 0.11\text{tonne} \\ &= \text{RM181.82} \\ &\text{RM182} / \text{tonne} \end{aligned}$$

**Minimum ketumpatan bitumin bergantung kepada nilai yang diberikan oleh pembekal*

2.5 Sukatan Kerja

Kontraktor diingatkan bahawa semua ukuran panjang dan kuantiti adalah mengikut kerja yang dijalankan di mana pengukuran semula akan dijalankan dan pembayaran akan dibuat mengikut sukatan akhir setelah kerja siap dijalankan.

2.6 Keselamatan Pekerja Ditapak


Peringatan penting kepada kontraktor supaya menitikberatkan keselamatan pekerjaannya di tapak bina. Pihak JKR tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan yang berlaku ke atas pekerja pemborong semasa menjalankan kerja. Sebarang kemalangan ke atas pekerja kontraktor adalah dibawah tanggungjawab kontraktor sendiri.

2.7 Gambar Foto

Kontraktor dikehendaki menyediakan gambar berwarna setiap kerja yang dibuat bagi sebelum pembinaan, semasa pembinaan dan selepas siap pembinaan. Selain itu, gambar sebelum pengurusan trafik dijalankan juga perlu disertakan.

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

LAMPIRAN 1





- Advance Warning** - 100m (urban / rural)
- Flagman (must)** - 1 no (at least)
- Cones**
 - 2m apart (transition)
 - 3m apart (straight)
- Workers**
 - Reflective Uniform / Vest

<p>NOTES:</p> <p>1. All Signs must be reflectorized. (Minimum Engineering Grade)</p>	<p>LEGEND:</p> <p>□ Warning Sign Flagman</p> <p>● Cone (2 - 3m apart)</p>	<p>TITLE</p> <p>R01 - Pothole Patching (Pavement Repair)</p> <p>REVISION 1 (05 TO 2009)</p>
--	---	--

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

LAMPIRAN 2




- Advance Warning** - 100m (urban / rural)
- Flagman (must)** - 1 no (at least)
- Cones** - 2m apart (transition)
- 10m apart (straight)
- Workers** - Reflective Uniform / Vest

<p>NOTES:</p> <p>1. All Signs must be reflectorized. (Minimum Engineering Grade)</p>	<p>LEGEND:</p> <p>□ Warning Sign</p> <p>● Cone</p>	<p>TITLE</p> <p>R02 - Shoulder Works (Involve Heavy Machinery)</p> <p>REVISION 1 (05 10/2009)</p>
--	---	---

PENENTUAN KERJA TAMBAHAN

LAMPIRAN 3



Nota:

Sekiranya kerja dilaksanakan hanya disebelah jalan maka kon dan papantanda disusun di kawasan kerja sahaja.

NOTES:

- All Signs must be reflectorized. (Minimum Engineering Grade)

LEGEND:

- Warning Sign
- Cone (120m apart)

TITLE

R03 - Gross cutting on shoulder
 REVISION 1 (05 10 2009)

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Nama Projek/Kerja	Jabatan/Agensi yang Mengawasi Projek	Harga	Tarikh Mula	Tarikh Siap

SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

Nama Projek/Kerja	Jabatan/Agensi yang Mengawasi Projek	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG
(RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN DI
JALAN PERMATANG NIBONG KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN
JALAN-JALAN SEKITAR DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH,
PULAU PINANG
(Sebutharga : JDSPT/J/N/M/2017/72)**

Saya, Nombor K.P. yang mewakili syarikat..... nombor pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini..

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam JABATAN Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas;
- 2.3 disabitkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574); dan
- 2.4 tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. Kad Pengenalan)

Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG
(RESURFACE) SERTA GARISAN JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN
PERMATANG NIBONG KM2.5 - KM3.0 DAN KAWASAN JALAN-JALAN SEKITAR
DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG
(Sebutharga : JDSPT/J/N/M/2017/72)**

Saya, Nombor K.P. yang mewakili syarikat..... nombor pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini..

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini di dapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 disabitkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574); dan
- 2.4 tindakan tata tertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama & No. Kad Pengenalan)

Cop Syarikat :